

**PAS Melaka kecewa PAS Pusat dipinggir isu MB Selangor**  
**Malaysian Insider**  
**Sept 6, 2014**  
**OLEH MOHD FARHAN DARWIS**

Tindakan meminggirkan ahli jawatankuasa (AJK) PAS Pusat dalam pemilihan 3 calon menteri besar Selangor tidak sepatutnya berlaku, kata PAS Melaka hari ini, melahirkan kekecewaan terhadap perkara itu.

Pesuruhjaya

nya Adly Zahari berkata, beliau terkilan dan amat bersimpati dengan AJK PAS Pusat yang dipinggirkan dalam membuat keputusan berhubung kedudukan menteri besar Selangor itu seperti dilaporkan semalam.

"PAS Melaka amat terkejut dengan tindakan tersebut.

"PAS Melaka akan meminta penjelasan lanjut pimpinan tertinggi dalam mesyuarat Jawatankuasa PAS Pusat yang dijadualkan esok," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, PAS Melaka merasakan tindakan menghantar 3 nama – 2 daripada PKR dan 1 PAS akan menghilangkan kepercayaan umum rakyat kepada parti itu.

"Imej PAS sebagai gerakan siasah yang memperjuangkan Islam juga akan tercalar," katanya.

Setiausaha Agung PAS Datuk Mustafa Ali sebelum ini berkata PAS menghantar 3 nama kepada Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah sebagai calon menteri besar Selangor bagi menggantikan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Timbalan Presiden PAS Mohamad Sabu bagaimanapun berkata AJK PAS Pusat tidak maklum berhubung perkara itu.

Beliau dalam laporan The Malaysian Insider sebelum ini berkata, AJK PAS Pusat mengambil ketetapan sepakat dengan keputusan mesyuarat pada 25 Ogos seperti yang diputuskan pada 17 Ogos.

Utusan Malaysia sebelum ini melaporkan Mustafa berkata, Majlis Syura Ulama, badan tertinggi dalam PAS selepas muktamar, membuat keputusan turut menghantar nama ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) PAS di samping nama dua Adun PKR sebagai calon.

Nama 2 Adun PKR yang dihantar kepada istana Selangor bukan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan timbalannya Mohamed Azmin Ali seperti yang dipersetujui jawatankuasa PAS Pusat pada 17 Ogos lalu.

Difahamkan, 2 Adun PKR yang dimaksudkan itu adalah Dr Idris Ahmad (Adun Ijok) dan Dr Yaakob Sapari (Adun Kota Anggerik) manakala Adun PAS ialah Iskandar Abdul Samad, exco kerajaan negeri Selangor yang juga pesuruhjaya PAS Selangor.

Bagaimanapun, Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang enggan mendedahkan nama calon yang dikemukakan kepada Sultan.

Beliau dilaporkan membuat keputusan sendiri tanpa pengetahuan AJK PAS Pusat dan PAS negeri menghantar dua surat kepada istana kerana kecewa Azmin menolak pencalonannya.

Pada 2 September, surat Hadi mencalonkan ketiga-tiga Adun PAS untuk menjadi menteri besar Selangor.

Namun keesokan harinya pada 3 September, Hadi menghantar surat pencalonan baharu menamakan dua Adun PKR dan seorang Adun PAS. – 6 September, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-melaka-kecewa-pas-pusat-dipinggir-isu-mb-selangor>